

**MINIT MESYUARAT MALAYSIAN ONLINE E-RESOURCES CONSORTIUM (MOLEC) BIL. 1/2011  
PADA 21 FEBRUARI 2011 (ISNIN), DI BILIK MESYUARAT PENDETA,  
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA**

**HADIR**

Dr. Nor Edzan Haji Che Nasir	UM	-	Pengerusi
Cik Sutarmi Kasimun	UM	-	Setiausaha
En. Abdul Muhaimin Sabron	UKM		
En. Ahmad Munawar Mohmad Anuar	OUM		
Pn. Asmaniza Mansor	UUM		
Pn. Azana Abd Hadi	UPM		
Pn. Fatimah Abd Aziz	FRIM		
En. Hairuladzhar Mohd Hamdi	UMK		
Pn. Khairulbahiyah Yaakub	UTM		
En. Mohd Khairul Naser Ibrahim	UTHM		
En. Mohd Nizam Mahat	UNITEN		
En. Muzaffar Shah Kassim	UPM		
Pn. Nona Zureena Masenwat	PPUKM		
Pn. Noor Azura Omar	UMP		
Pn. Noorhasimah Aris	UIAM		
Pn. Norakmal Abd Karim	UNiMAP		
Pn. Norazlynne Mohd Johan @ Jacklyne	UMS		
Pn. Nurul Sazrina Mohd Shukor	MPC		
Pn. Rabiatul Ahya Md Sharif	UTP		
Pn. Rosnah Yusof	UKM		
Pn. Rozana Kamdani	USIM		
Pn. Ruzilah Ehsan	MINT		
En. Shamsuddin Ibrahim	UKM		
Cik Sharifah Akmal Syed Abd Rahman	UMT		
Cik Siti Khabsyah Masrom	MMU		
Pn. Sofiah Khalid	UNiSZA		
Pn. Suhaila Marsidi	UIAM		
Pn. Sukmawati Muhamad	USM		
Pn. Wan Kartini Wan Sulaiman	UPSI		
Pn. Wan Rozaini	MOSTI		
En. Wan Suhaimi Ariffin	PPUKM		
Pn. Yafiza Abdul Halim	UPNM		
En. Zawawi Tiyunin	UMS		

**DENGAN JEMPUTAN**

Tuan Haji Shaifol Yazam Mat	UPM
En. Muizzudin Kaspol	UPM
Cik Cassandra Teo	Elsevier

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

Pn. Noormala Maarof	UiTM
Pn. Nurul Diana Jasni	UiTM

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
6	<p><b>KATA-KATA ALUAN PENGERUSI</b></p> <p>Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran ahli MOLEC.</p>	Makluman
7	<p><b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MOLEC BIL. 3/2010</b></p> <p>Minit Mesyuarat MOLEC Bil. 3/2010 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman
8	<p><b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b></p> <p><b>8.1 Minit 3.2 Perkembangan terkini Seminar Kebangsaan Sumber Elektronik di Malaysia oleh UNiMAP dan Bengkel Usage Report di USM</b> UNIMAP diminta menghantar laporan Seminar kepada Cik Sutarmi untuk dilaporkan pada mesyuarat yang akan datang</p> <p><b>8.2 Minit 3.3 Pembentangan Kertas Kerja Dasar Langganan Pangkalan Data/Jurnal oleh Wakil UKM</b> Puan Rosnah akan menyerahkan kertas kerja terkini dan akan digunakan sebagai rujukan semasa garis panduan langganan pangkalan data MOLEC diolah semula.</p> <p><b>8.3 Minit 4.1.1 Kekerapan dan Lokasi Mesyuarat</b> Mesyuarat MOLEC Bil. 2/2011 akan diadakan di Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM pada 18 April 2011 bersempena dengan Bengkel Penjanaan dan Analisa Penggunaan Pangkalan Data Komersil (PDK) yang akan berlangsung pada 19 dan 20 April, juga bertempat di UKM</p> <p><b>8.4 Minit 4.1.2 Aktiviti 2011 – Lawatan Penandaarasan</b> Jawatankuasa kerja akan dibentuk bagi menyediakan kertas kerja lawatan penandaarasan. Pengerusi mengalu-alukan agar peserta memgadakan lawatan ke Korea.</p> <p><b>8.5 Minit 4.2 Langganan PDK-MOHE 2011</b> Encik Amir Hussain selaku Pengerusi PERPUN bersama mantan Pengerusi MOLEC telah bertemu dengan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Rujhan Mustafa pada 21 Feb 2011. Secara prinsipnya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersetuju meneruskan langganan pangkalan data yang dicadangkan iaitu <i>Business Source Complete</i> dan <i>Academic Source Premier</i> daripada EBSCO, ProQuest Dissertations &amp; Theses, Scopus dan BLIS. Mesyuarat</p>	UNiMAP  Makluman  UKM  UIAM  Makluman

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>dimaklumkan, pihak KPT akan mengolah semula kertas cadangan yang dikemukakan dan berusaha mencari sumber kewangan untuk membiayai langganan tersebut.</p> <p><b>8.6 Minit 4.4 Laporan Soal-selidik Penyertaan Keahlian Perpustakaan Khusus di dalam MOLEC - Keahlian PNM</b> Surat jemputan bertulis bagi setiap Mesyuarat akan dihantar kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)</p> <p><b>8.7 Minit 5.1 Resolusi Bengkel Laporan Penggunaan Pangkalan Data</b> Perkara mengenai latihan, saiz FTE, bahan promosi, langganan dan kos langganan berdasarkan <i>tier</i> serta isu <i>single site</i> dan <i>multiple site</i> akan dimasukkan ke dalam garis panduan langganan pangkalan data yang baru.</p> <p><b>8.8 Minit 5.1.3 Templat Pembentangan Laporan Penggunaan Pangkalan Data</b> Akan dibincangkan semasa Bengkel Penjanaan dan Analisa Penggunaan PDK di UKM.</p> <p><b>8.9 Minit 5.7 Senarai Induk Pangkalan Data Komersil</b> Senarai pangkalan data yang dilanggan perlu dihantar oleh semua ahli kepada En. Ahmad Munawar sebelum 28 Februari 2011.</p> <p><b>8.10 Minit 5.8 Garis Panduan Perolehan Pangkalan Data</b> Garis panduan langganan pangkalan data yang telah disediakan pada 2002 akan diolah semula untuk diedarkan kepada semua ahli.</p>	UM  UM dan MMU  UKM  Semua ahli dan OUM  UM dan MMU
9	<p><b>AGENDA</b></p> <p><b>9.1 Perbincangan dengan wakil Elsevier Mengenai Langganan Scopus</b> Institusi yang berhasrat meneruskan langganan Scopus (tanpa menunggu pembayaran dari KPT) diminta membuat pengesahan kepada pihak Elsevier bagi mengelakkan gangguan akses.</p> <p><b>9.2 Pembentangan Kertas Kerja Bengkel Penjanaan Laporan Penggunaan Pangkalan Data</b> Encik Shamsudin telah membentangkan cadangan kertas kerja Bengkel Penjanaan dan Analisa Penggunaan PDK yang merangkumi objektif, pengisian, tempoh bengkel, kumpulan sasaran dan yuran penyertaan.</p> <p>Ahli yang berhasrat menyertainya diminta mengisi dan menghantar borang yang disediakan kepada sekretariat bengkel sebelum 31 Mac 2011.</p>	Semua ahli  Makluman  Semua ahli

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p><b>9.3 Pembentangan Garis Panduan Langganan Pangkalan Data</b>  Garis panduan asal dan deraf Dasar Langganan Pangkalan Data/Jurnal yang disediakan oleh UKM telah diedarkan. Ahli diminta meneliti dan memberi cadangan penambahbaikan. Wakil UM dan MMU akan mengolah semula garis panduan asal untuk disesuaikan dengan keperluan semasa.</p> <p><b>9.4 Pembentangan Portal MyULIS</b></p> <p><b>9.4.1 Portal Baru MyULIS</b>  Portal baru yang dibangunkan oleh Universiti Putra Malaysia terdiri daripada portal MyUniNet, MyTO dan MyULIS di mana MyULIS boleh dicapai melalui URL <a href="http://www.euidec.upm.edu.my/myULIS/myulis.html">http://www.euidec.upm.edu.my/myULIS/myulis.html</a>. Mesyuarat turut dimaklumkan, adalah menjadi polisi Universiti Putra Malaysia, setiap laman web yang dibangunkan oleh UPM akan menggunakan domain upm.edu.my.</p> <p><b>9.4.2 Latihan Penggunaan MyULIS</b>  Oleh kerana struktur pangkalan data telah berubah, semua rekod jurnal yang ada di sesuatu Perpustakaan peserta akan dimuat naik semula. Latihan penggunaan dijangka akan diadakan pada bulan Mac atau April.</p> <p><b>9.4.3 Wakil Institusi untuk MyULIS</b>  Semua ahli diminta menghantar nama dan gambar serta maklumat yang diperlukan mengenai wakil Perpustakaan masing-masing kepada En. Muizzudin (muiz@lib.upm.edu.my). Keutamaan wakil adalah Ketua Bahagian yang mengendalikan urusan perolehan jurnal/pangkalan data.</p> <p><b>9.4.4 Pelarasan Format Entri</b>  Format entri MyULIS perlu diselaraskan terutamanya bagi tajuk dan maklumat simpanan (<i>holdings</i>).</p> <p><b>9.4.5 Pengenalan MyULIS</b>  Pengerusi akan menyediakan penulisan ringkas mengenai pengenalan MyULIS untuk dimuat naik ke laman sesawang yang berkenaan.</p> <p><b>9.4.6 Minit Mesyuarat MOLEC</b>  Minit Mesyuarat MOLEC akan dimuat naik dalam MyULIS. Wakil UIAM dan UM diminta mendapatkan <i>soft copy</i> minit mesyuarat yang lalu.</p>	UM dan MMU  Makluman  UPM  Semua ahli  UPM  UM  UIAM dan UM

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
10	<p><b>HAL-HAL LAIN</b></p> <p><b>10.1 Demo Projek JetP</b>  En. Shamsudin telah berkongsi pengalaman dengan menunjukkan projek JetP (Jurnal Elektronik Teks Penuh Perpustakaan) yang menyenaraikan jurnal elektronik langganan UKM berserta dengan faktor impak. JetP boleh dicapai melalui URL <a href="http://www.eklik.ukm.my/jetp">http://www.eklik.ukm.my/jetp</a></p> <p><b>10.2 Hari Terbuka EBSCO</b>  Pengerusi memaklumkan, beliau telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja untuk Hari Terbuka EBSCO pada 26 Mei 2011. Beliau menyarankan agar pustakawan yang terlibat dengan perolehan PDK hadir semasa hari terbuka ini.</p>	Makluman  Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengahari.